Malaysia Muslim Halal Meat Importers Association president Datuk Dr Mohd Noor Ali Akbar said his association and the other NGOs had urged the government to act swiftly in response to public concern over the issue.

"The importation of meat needs to be reviewed and stringently checked.

"This issue needs full clarification as it involves public interest.

"We, as importers of meat, agree that a Royal Commission of Inquiry should be set up to investigate whether the existing standard operating procedure (SOP) is already sufficient or if it needs to be enhanced," he told Bernama after lodging a report at the Dang Wangi police headquarters here.

Majlis Jalinan Muhibbah Malaysia president Abdul Rani Kulup called on the various parties, including the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department as well as the Islamic Development Department, to cooperate in ensuring that the factory involved in importing and distributing fake halal meat was closed.

The media had earlier reported on a cartel bringing in frozen meat from China, Ukraine, Brazil and Argentina and repackaging the meat using the halal logo at a warehouse in Senai, Johor. **Bernama**

## 'Allana Group products certified halal'

**KUALA LUMPUR:** Allana Group, a pioneer in the meat export industry from India since 1969, has assured consumers that its products exported to Malaysia are halal-certified.

Allana, the largest halal meat exporter in the world, said its abattoirs were approved by Malaysian authorities.

"They are approved by the Veterinary Services Department, Islamic Development Department and the Health Ministry.

"All the abattoirs owned by Allana are fully accredited by Malaysia. The meats are checked and sold to Malaysian importers whom we have known for a long time.

"There is full traceability of each container that arrives in Malaysia, from the importer to the wholesaler, as each box of meat carries a QR code.

"Our importer includes the renowned meat processing brand, Ramly Food Processors, which we have established a relationship with for more than 25 years.

"We want to give our assurance to all consumers of our brand that our halal status is well-maintained and adhered to at all times in line with Allana being a truly responsible company," the company said.

Operating for over 51 years, Allana Group is owned and managed by a renowned Muslim family, which is into its sixth generation.

It exports meat to over 70 countries and is a popular brand choice for its quality. It is widely used not only in Malaysia but also in Indonesia, Egypt, Saudi Arabia, United Arab Emirates and other countries.

Allana Group said it was pleased with the exposé of the meat cartel scandal and urged that those responsible be brought to justice.

"There should be no compromise when it comes to the aspect of halal. We fully support the heaviest penalty to be served against the offenders.

"We understand that cheap cuts of meat from China and South America have been repacked as Australian premium beef.

"Be confident that there is no reason for Allana products to be fake, as its supplies are sufficient and the prices are very affordable," it said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 7 |

# Jakim perlu dirombak

Oleh MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaima@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu dirombak dan melepaskan tanggungjawabnya dalam urusan mengendalikan pensijilan halal dengan menyerahkan sepenuhnya peranan itu kepada Majlis Halal Malaysia (MHM).

Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Majlis Perundingan Melayu (MPM), Tun Mohammed Hanif Omar berkata, isu kartel daging import yang diragui status halalnya sewajarnya membuka mata kerajaan untuk meringankan beban yang digalas Jakim.

Beliau berkata, sudah tiba masanya majlis halal yang dibekukan fungsinya sebelum ini diperkasa semula supaya dapat memainkan peranan dalam hal-hal berkaitan industri ternakan yang selama ini dikelolakan secara bersendirian oleh Jakim.

"MHM harus ambil alih Skim Pensijilan Halal daripada Jakim. Saya percaya ini usaha yang dapat membantu dalam menyelesaikan isu yang dihadapi sekarang ini. Apabila isu kartel haram ini terbongkar ada dua perkara yang berlaku iaitu kegiatan kartel haram dan import daging tidak halal.



MOHAMMED HANIF OMAR

"Kemelut ini mendedahkan perkara utama iaitu gejala rasuah semakin menjadi-jadi, keberkesanan sistem penyampaian haram dan kegagalan pembangunan industri makanan negara," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Akhbar baru-baru ini melaporkan terdapat kartel yang bersubahat dengan beberapa pegawai dalam agensi kerajaan untuk mengimport daging yang tidak berstatus halal untuk dijual sebagai daging halal.

Haniff berkata, melakukan rombakan terhadap Jakim dapat meredakan keresahan rakyat selain memastikan industri ternakan di negara ini terjaga.

"Ini juga menuntut kepada perlunya pihak berwajib tampil dengan inisiatif untuk melantik individu-individu berintegriti, kompeten dan berkebolehan agar masalah kartel daging import tidak lagi berlaku pada masa akan datang.

"Saya berpendirian isu berkenaan menjadi petunjuk kegagalan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dalam menjalankan tanggungjawab membangunkan industri ternakan sehingga negara terpaksa bergantung dengan daging import.

"Pesalah rasuah perlu dikenakan hukuman berat dan lucut kewarganegaraan dan dinyahkan dari negara ini jika perlu," katanya.

# Tarik balik daging beku di pasaran

**GEORGETOWN:** Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendesak kerajaan menarik semula dengan segera produk daging beku yang diimport dari pasaran susulan isu kartel daging haram.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader menyeru orang ramai tidak membeli daging beku import dan produk daging yang diproses sehingga pihak berkuasa dapat memastikan daging beku di pasaran adalah daging yang disahkan halal.

Menurut beliau, disebabkan harga daging tempatan yang mahal, restoran menggunakan daging beku import dalam makanan yang dihidang kepada pelanggan.

Malah, katanya, pengeluar daging yang diproses turut menggunakan daging beku import dalam produk mereka.

"Pihak berkuasa dilaporkan menjalankan siasatan, namun tidak bertindak menarik semula daging beku import dari pasaran.

> **"Pihak berkuasa dilaporkan menjalankan siasatan, namun tidak bertindak menarik semula daging beku import dari pasaran."**
>
> MOHIDEEN ABDUL KADER

"Ini bermakna pengguna masih terus memakan daging yang tercemar walaupun CAP pernah menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan menarik semula produk itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/12/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 5 |



DR. ZULKIFLI Mohamad Al-Bakri (kiri) menyerahkan sumbangan kepada Sabtu Bachik dalam program penyampaian sumbangan makanan kepada asnaf di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

# Garis panduan halal diperkemas segera

Oleh NADIA HASHIM
nadia.hashim@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pihak industri yang terlibat dalam pengimportan dan penyembelihan haiwan di negara ini akan dipanggil bagi memastikan mereka memahami garis panduan yang ditetapkan terutama mengenai halal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohammad Al-Bakri berkata, ini bagi memastikan kepatuhan dan integriti dikekalkan dalam kalangan pengusaha industri berkenaan.

"Kita juga akan bincang tentang prosedur operasi standard (SOP) untuk diperkuat dan diperkemaskan lagi, insya-Allah pada Januari tahun hadapan," katanya selepas menghadiri program penyampaian sumbangan barangan makanan golongan asnaf di Masjid Al-Imam Al-Tirmizi, Seri Sentosa di sini, semalam.

Zulkifli turut menyerahkan beg berisi barangan dapur dan beras fidyah kepada para asnaf.

Isu berkenaan mendapat perhatian selepas media melaporkan taktik kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari luar negara sebelum membungkus semula daging berkenaan dengan menggunakan logo halal dan menjualnya di pasaran.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abdul Aziz Jusoh berkata, pihaknya menggaris enam perkara melalui Pelan Tindakan Menangani Isu Daging Seludup dalam memastikan aktiviti penyeludupan daging haram dan daging yang tidak berlogo serta tidak diiktiraf Jakim dapat ditangani secara menyeluruh.

Katanya, pelan terbabit merangkumi perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 5 Januari ini.

"Jakim juga akan mengadakan lawatan pemantauan ke atas pengimport daging, pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM), rumah sembelih dan melakukan penambahbaikan SOP pengiktirafan badan pensijilan halal luar negara sedia ada," katanya di sini semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |

# Import daging haram dikuasai sindiket

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kegiatan kartel penyeludupan daging import haram yang diragui status halal dipercayai melibatkan rangkaian yang luas serta didalangi sindiket di dalam dan luar negara.

Justeru, Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menjalankan siasatan menyeluruh merangkumi pihak terlibat dalam perolehan, penyimpanan, pemprosesan, penyeludupan, pihak yang memanipulasi, bersubahat serta membawa masuk daging sejuk beku melalui permit import (AP).

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, setakat ini, sebanyak 13 laporan polis dibuat orang awam di seluruh negara yang melahirkan kegusaran berikutan liputan meluas media mengenai isu tersebut.



HUZIR MOHAMED

Katanya, PDRM komited untuk menangani isu itu dengan jaringan kerjasama pelbagai agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Jabatan Kastam.

"Selain itu, siasatan akan dijalankan terhadap ketidakpuasan hati dan mengancam ketenteraman dalam negara akibat perbuatan pihak tidak bertanggungjawab dan memberikan kesan yang besar kepada sektor ekonomi negara," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Huzir menambah, siasatan akan dilakukan oleh Jabatan Unit Siasatan Jenayah Terkelas (D5) Bukit Aman mengikut Seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan kerana menyebabkan ketakutan dan kegentaran kepada awam.

Tambahnya, orang ramai yang mempunyai maklumat diminta tampil untuk membantu siasatan selain diingatkan untuk tidak menularkan berita yang tidak dapat dipastikan kesahihannya.

"Tindakan tegas tanpa kompromi bakal diambil terhadap mana-mana individu yang menggugat ketenteraman serta keselamatan awam," jelasnya.

# Tiada daging babi, kuda mahupun kanggaru

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan memberi jaminan bahawa tiada daging babi, kuda mahupun kanggaru dalam rampasan penyeludupan daging berstatus tidak halal yang hangat diperkatakan kebelakangan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid memberitahu Dewan Negara, pengesahan berhubung perkara itu telah dipastikan dan diperakui oleh Jabatan Kimia.

Beliau berkata, meskipun kesal dengan tindakan tidak bertanggungjawab kartel terlibat, keputusan yang diperoleh Jabatan Kimia itu nampaknya dapat memberi sedikit kelegaan terhadap kerisauan umat Islam.

"Kemudian isu yang dibangkitkan baru-baru ini, yang mengatakan ada daging kuda, daging kanggaru dan daging babi.

"Dapatan yang kita buat daripada Jabatan Kimia, ianya bukan daging kuda dan bukan daging kanggaru dan bukan daging babi. Jadi ini juga satu perkara yang menimbulkan keresahan rakyat. Terima kasih kepada Jabatan Kimia yang mempercepatkan ujian," katanya ketika menggulung perbahasan usul khas berkenaan kartel daging haram yang dibawa oleh Senator Asmak Husin.

Baru-baru ini, media melaporkan, terdapat kartel yang bersubahat dengan beberapa pegawai dalam agensi kerajaan untuk mengimport daging seperti kanggaru dan kuda yang tidak berstatus halal untuk dijual sebagai daging halal.

Pegawai dalam agensi kerajaan itu didakwa menerima pelbagai jenis habuan termasuk wang dan khidmat bagi membolehkan kartel tersebut beroperasi mengimport daging-daging berkenaan.

Dalam pada itu, menjelaskan mengenai jenama-jenama daging sejuk beku yang terlibat, Rosol berkata, pihaknya sukar untuk mendedahkannya kepada umum kerana syarikat terlibat sebenarnya secara tidak sah telah membungkus semula daging terbabit menggunakan jenama milik pihak lain.

# Kurangkan kebergantungan daging import

**KUANTAN:** Negara perlu mengurangkan kebergantungan terhadap daging import sebagai salah satu usaha untuk menangani kegiatan kartel, selain daging merupakan makanan yang kritikal dalam aspek penetapan halal berbanding sayur atau ikan.

Pensyarah Pusat Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr. Tuan Sidek Tuan Muda berkata, daging mudah untuk menjadi tidak halal disebabkan oleh sembelihan yang tidak sah, pengurusan kebersihan atau penggunaan lembu yang tidak sihat, berlaku pencampuran ketika proses simpanan dan pengangkutan serta terdedah kepada penipuan kartel daging haram.

Jelasnya, aspek rantaian bekalan juga mempengaruhi risiko tidak halal kerana jika daging diimport dari luar negara prosesnya lebih panjang berbanding bekalan tempatan.




**INDUSTRI ternakan tempatan perlu diperkasakan bagi mengurangkan kebergantungan kepada daging import yang kini memenuhi 70 peratus keperluan daging dalam negara.**

"Berdasarkan data, Malaysia mengimport 70 peratus daging untuk keperluan domestik manakala 30 peratus adalah keluaran tempatan.

"Pada 2019, kadar tahap sara diri (SSL) daging tempatan adalah sekitar 25 peratus manakala SSL bagi kambing adalah 11 peratus, maka selebihnya adalah daging import.

"Peningkatan SSL dan penurunan kadar kebergantungan terhadap daging import mampu mengurangkan isu penipuan sijil halal khususnya yang melibatkan bekalan dari luar negara.

"Ini kerana bekalan (daging) tempatan dapat diperoleh dengan lebih mudah dan dapat memenuhi memenuhi permintaan," katanya yang juga tenaga pengajar berkaitan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Beliau berkata demikian dalam Wacana Ilmiah Sains Kemanusiaan 2.0 anjuran Jabatan Sains Kemanusiaan, Pusat Sains Kemanusiaan UMP yang diadakan secara dalam talian semalam.

Antara yang dibincangkan dalam wacana itu adalah kepentingan integriti dan kebolehkesanan dalam rantaian bekalan halal, penyalahgunaan sijil dan sistem pengesanan rantaian bekalan halal berasaskan teknologi *blockchain*.

Sementara itu, pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Industri UMP, Dr. Azizan Ramli yang juga tenaga pengajar halal Jakim berkata, usaha melonjakkan penggunaan daging tempatan perlu diperhebatkan bagi mengatasi isu halal membabitkan daging import.

"Namun kebanyakan pengguna memilih daging import disebabkan isu harganya yang lebih murah berbanding daging tempatan," katanya.

Seorang lagi pensyarah Fakulti Pengurusan Industri UMP, Prof. Madya Dr. Yudi Fernando berkata, pelaksanaan teknologi *blockchain* dapat meningkatkan keselamatan dalam rantaian bekalan makanan dengan sokongan integrasi rantaian bekalan pintar bagi pengeluaran, pengangkutan, penyimpanan dan pengedaran.

"Pelbagai pihak yang berkenaan boleh menyemak transaksi urus niaga, menilai integriti dalam perniagaan serta memudahkan lagi pihak berkuasa membuat pemantauan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

NGO cadang kerajaan lantik syarikat Islam urus kemasukan daging halal

# Konsortium import daging



**Berbudi pada tanah**

TIGA suri rumah Blok 11, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Mutiara, Bandar Dato Onn di Johor Bahru melihat sayur-sayuran yang ditanam di belakang flat tersebut semalam. - UTUSAN/ RAJA JAAFAR ALI (Berita muka 10)

Oleh ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN dan HADI AB. MANAP
zareen hs@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan perlu menubuhkan sebuah konsortium bagi mengendalikan proses mengimport daging ke negara ini secara telus dan paling penting diyakini halal.

Penubuhan konsortium tersebut sekali gus dapat menghalang kegiatan kartel pengimportan menggunakan logo Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) palsu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, menerusi konsortium itu, urusan mengimport hanya diberikan kepada syarikat-syarikat yang diuruskan orang Islam.

Bersambung di muka 2

**Taktik ejen bank 'jerat' pelabur ASB** »4

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/12/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

# Konsortium import daging

Dari muka 1

"Isu kartel daging import 'panas' seminggu ini dan antara penyelesaian ialah kemungkinan kerajaan boleh tubuhkan konsortium dikendalikan hanya oleh syarikat Islam," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Menurut beliau, syarikat-syarikat Islam itu kemudian akan menjadi ejen yang membawa daging halal masuk ke dalam negara.

Kata Nadzim lagi, konsortium tersebut akan berurusan terus dengan abatoir dan loji pemprosesan di luar negara bagi mengelakkan penglibatan mana-mana sindiket atau orang tengah.

"Menerusi rantaian tersebut ia diyakini dapat mengelakkan daging import yang dibawa masuk adalah tidak halal," jelasnya.

Bagaimanapun, kata beliau, Jakim dan konsortium perlu sentiasa bekerjasama bagi memastikan urusan membawa daging import mengikut prosedur secara berterusan.

Akhbar-akhbar sebelum ini mendedahkan kartel daging import yang mendalangi penyeludupan dikesan membawa masuk daging sejuk beku yang diragui status halal selepas pemeriksaan di sebuah gudang di Senai, Johor.

Modus operandi kartel tersebut antara lain mengupah pegawai kanan agensi tertentu bagi melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

Malaysia banyak mengimport daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum ia dibungkus semula denga meletakkan logo halal.

> **"Isu kartel daging import 'panas' seminggu ini dan antara penyelesaian ialah kemungkinan kerajaan boleh tubuhkan konsortium dikendalikan hanya oleh syarikat Islam."**
>
> **NADZIM JOHAN**

Sementara itu, badan bukan kerajaan (NGO) bagi Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKP) menyokong cadangan PPIM dan melihatnya sebagai langkah menghampiri penyelesaian kepada isu yang meresahkan orang Islam.

Presidennya, **Samsudin Mohamad Fauzi** berkata, penubuhan satu konsortium diterajui syarikat Islam adalah inisiatif positif sekali gus membanteras sindiket import daging haram.

"Cadangan itu boleh dibincangkan dengan lebih mendalam oleh kerajaan seperti cara pelaksanaan dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, di Dewan Negara semalam, **Senator Muhammad Zahid Md. Arip** mencadangkan supaya Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay mengetuai pasukan petugas khas menyiasat isu kartel daging.

Cadangan itu dikemukakan Muhammad Zahid ketika membahaskan usul khas berkenaan kartel daging yang dibawa Senator Asmak Hussin.

Muhammad Zahid berkata, meskipun Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) menjadi solusi terbaik untuk mengenal pasti punca ketirisan, namun prosesnya akan memakan masa panjang.

Oleh itu, kata beliau, pasukan petugas khas perlu ditubuhkan dalam masa terdekat dan perlu membentangkan hasil siasatan dalam tempoh 14 hari.

"Untuk tempoh segera saya mencadangkan kerajaan menubuhkan pasukan petugas khas. Saya cadangkan dipengerusikan sendiri oleh Ketua Polis Johor dengan dianggotai oleh wakil-wakil agensi terbabit.

"Datuk Ayob Khan seorang pegawai polis yang cukup tegas, cukup berani dan tak takut kepada ugutan kartel-kartel ini.

"Perlu dikemukakan dalam bentuk kertas putih dalam satu sidang khas Parlimen. Saya yakin kalau ada keseriusan yang begini perkara ini tidak akan berulang lagi di masa hadapan," kata beliau.

Hari terakhir persidangan, Dewan Negara membenarkan usul berkenaan isu kartel daging haram untuk dibahaskan.

Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr. Rais Yatim berkata, perkara itu dibahaskan mengikut Peraturan 17 (1) dengan pihak pencadang dibenarkan membahas tidak melebihi 30 minit dan pihak kerajaan untuk menjawab dalam tempoh yang sama.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/12/2020 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |



# Pelan tindakan tangani isu daging import

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menggariskan pelan tindakan bagi menangani isu keraguan status halal daging import, seterusnya menambah baik kelemahan yang ada dan merangka prosedur operasi standard (SOP) baharu pengurusan halal. Melalui Bahagian Pengurusan Halal dan Sekretariat Majlis Halal Malaysia, jabatan berkenaan akan mengadakan perbincangan dengan pelbagai kementerian serta agensi berkaitan pada 5 Januari depan, manakala dengan pengimport dan pengedar daging pada 11 Januari.

- MAQIS harap Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dapat dipinda di Dewan Rakyat tahun depan bagi perluas bidang penguatkuasaan, pendakwaannya.

- Unit Siasatan Jenayah Terkelas Bukit Aman mula siasat pihak terbabit dalam pemerolehan, penyimpanan, pemprosesan, penyeludupan, pihak yang memanipulasi, bersubahat dan bawa masuk daging beku melalui Permit Import (AP).

Muka 2

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/12/2020 | BERITA HARIAN | MUKA DUA | 2 |

# Pelan tindakan tangani isu daging import

## JAKIM tambah baik kelemahan, rangka SOP baharu pengurusan halal



*Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri mengadakan lawatan di pusat penyembelihan HS Nada Sdn Bhd di Rawang, semalam.* (Foto Twitter Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri)

Oleh Sophia Ahmad
sophia@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) semalam mengeluarkan pelan tindakan bagi menangani isu keraguan status halal daging import, seterusnya menambah baik kelemahan yang ada dan merangka prosedur operasi standard (SOP) baharu pengurusan halal.

Melalui Bahagian Pengurusan Halal dan Sekretariat Majlis Halal Malaysia, jabatan berkenaan akan mengadakan perbincangan dengan pelbagai kementerian serta agensi berkaitan, selain pengimport dan pengedar daging.

Tindakan lain adalah mempromosi badan pensijilan dan logo halal luar negara yang diiktiraf JAKIM serta meningkatkan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis pengimport daging, pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) serta rumah penyembelihan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Datuk Abdul Aziz Jusoh, berkata JAKIM sudah, sedang dan akan menggerakkan tindakan bagi menangani isu daging import, termasuk mengadakan perbincangan serta mesyuarat dengan pihak yang terbabit dari semasa ke semasa.

"Lawatan ke rumah penyembelihan dan pusat pengumpulan daging import akan terus dipergiatkan. SOP terbaru (proses pensijilan halal) dengan penambahbaikan sedia ada akan dimuktamadkan pada Januari ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas enam pelan tindakan itu, beliau berkata, yang pertama perbincangan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada jam 11 pagi Selasa ini.

"Fokus perbincangan ini bertujuan menyelaras tindakan berdasarkan fungsi masing-masing. Antara isu yang akan dibincangkan adalah bidang kuasa, langkah-langkah perlu diambil dalam menangani isu ini serta pelan tindakan bersepadu pengimportan daging dan produk daging," katanya.

Pelan tindakan kedua, katanya, adalah perbincangan dengan pengimport dan pengedar daging serta produk daging yang turut membabitkan penyertaan KPDNHEP, MAQIS serta JKDM.

Abdul Aziz yang menjalankan tugas Ketua Pengarah JAKIM, berkata ia bagi membincangkan isu atau masalah dihadapi pengimport dan pengedar, memberi penjelasan mengenai keperluan mematuhi SOP pengimportan dan pengedaran serta menggalakkan permohonan SPHM melalui skim logistik (pergudangan).

"Perbincangan meja bulat itu bagi mensyaratkan pemegang SPHM mendapatkan bekalan daging dari pengimport atau pengedar yang telah dipersijilkan halal di bawah skim logistik (pergudangan). Perbincangan ini akan diadakan pada 11 Januari depan," katanya.

Beliau berkata, langkah seterusnya adalah mempromosi 84 badan pensijilan dan logo halal luar negara di 46 negara yang diiktiraf JAKIM.

"Pengguna boleh mengenal pasti logo halal luar negara diiktiraf JAKIM pada label bungkusan produk import yang dijual di pasaran. Pengimport pula mudah mengenal pasti produk ingin dibawa masuk agar mempunyai sijil halal diiktiraf bagi mengelak kerugian dan keraguan (status halal).

"Rakyat Malaysia yang ingin melancong ke luar negara juga boleh menjadikan logo halal yang diiktiraf ini sebagai rujukan dan panduan memperoleh produk atau mengunjungi premis makanan yang telah dipersijilkan halal di negara berkenaan," katanya.

> *Lawatan ke rumah penyembelihan dan pusat pengumpulan daging import akan terus dipergiatkan. SOP terbaru (proses pensijilan halal) dengan penambahbaikan sedia ada dimuktamadkan pada Januari ini.*
>
> ***Abdul Aziz Jusoh,***
> *Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM*

Katanya, pelan tindakan keempat adalah mengadakan lawatan pemantauan ke premis pengimport daging, pemegang SPHM dan rumah penyembelihan dengan meningkatkan aktiviti pemeriksaan terhadap pemegang SPHM.

"Pelan seterusnya adalah penambahbaikan SOP Pengiktirafan Badan Pensijilan Halal Luar Negara sedia ada, antaranya pengkelasan dari segi kepakaran Badan Pensijilan Halal Luar Negara seperti skim kosmetik, farmaseutikal, makanan, minuman dan sebagainya.

"Selain itu, memperkemaskan sistem aplikasi pengesanan produk dipersijilkan halal oleh Badan Pensijilan Halal Luar Negara diiktiraf JAKIM dan mengkaji semula permohonan baharu, pembaharuan dan penarikan pengiktirafan Badan Pensijilan Halal Luar Negara diiktiraf JAKIM berdasarkan SOP terbaru," katanya.

Beliau berkata, pelan tindakan keenam adalah memberi kefahaman kepada masyarakat melalui sketsa pendek bertujuan menerangkan SOP pengimportan daging dan produk daging ke Malaysia.

Abdul Aziz berharap industri daging import dan tempatan sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan dan menggalakkan penggiatnya untuk membuat permohonan SPHM agar tiada lagi isu berkaitan penyeludupan daging diragui status halal, tiada logo halal dan tidak diiktiraf JAKIM.

Kelmarin, Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan JAKIM, Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee dalam program temu bual disiarkan laman Facebook agensi itu, mengakui wujud kelemahan SOP pembangunan pensijilan halal, sekali gus berisiko menyebabkan bekalan daging sejuk beku yang dibawa masuk ke negara ini diragui status halalnya.

Sirajuddin juga menjelaskan, dalam membangunkan SOP pensijilan halal, JAKIM tidak bergerak sendiri, sebaliknya turut membabitkan beberapa agensi dan kementerian lain.

Awal minggu ini, pelbagai pihak, termasuk pemimpin politik, dewan perniagaan dan persatuan pengguna mahu kerajaan bertindak segera menangani isu kartel daging import seludup serta status halal yang mencetuskan kebimbangan umat Islam di negara ini.

Tindakan dicadangkan termasuk mewujudkan pasukan siasatan khas, malah ada menyarankan penubuhan RCI bagi menyiasat kegiatan itu dan mendedahkan semua pihak yang terbabit. Ada juga meminta didedahkan jenama menggunakan label halal diragui supaya pengguna, terutama umat Islam boleh berhenti membeli produk terbabit.

# 'Pinda akta perluas bidang penguatkuasaan MAQIS'

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) berharap Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) dapat dipinda di Dewan Rakyat pada tahun depan.

Ketua Pengarahnya, Saiful Yazan Alwi, berkata pindaan akta itu yang bertujuan memperluas serta memperkukuh bidang penguatkuasaan MAQIS, sudah memperoleh kelulusan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta dalam proses penelitian dari aspek perundangan oleh Jabatan Peguam Negara.

"Ketika ini, bidang kuasa MAQIS hanya di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin. Justeru sekiranya akta itu dipinda, skop penguatkuasaan di luar pintu masuk dapat diperluaskan, termasuk aspek penangkapan dan pertuduhan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri program Ruang Bicara bertajuk 'Penyeliaan dan Pemeriksaan Daging Import Dalam dan Luar Negara' yang disiarkan *BERNAMA TV*, malam kelmarin.

Dalam perkembangan berkaitan, Dewan Negara semalam turut mendengar perbahasan mengenai isu kartel daging import selepas usul dibenarkan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim mengikut Peraturan 17(1).

"Saya meneliti perkara ini. Pertama, benar perkara ini perkara tertentu; kedua, didapati kepentingan orang ramai memang wujud dan terlihat ia memerlukan tindakan segera dan pengawasan, selain pemahaman orang ramai perlu diberi perhatian," katanya.

Terdahulu, Ahli Dewan Negara, Asmak Husin mengemukakan usul isu kartel daging disyaki menggunakan logo Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) secara salah dan berniat menipu, mengikut Perkara 17 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

"Saya berpendapat usul ini membabitkan kepentingan orang ramai kerana ia sumber protein umat Islam yang juga majoriti rakyat Malaysia. Bagi masyarakat Islam, makanan halal, haram dan syubhah boleh mempengaruhi ibadat, pembangunan fizikal serta keseluruhan amalan kehidupan manusia.

"Ia juga membabitkan nama baik kerajaan, khususnya JAKIM sebagai pengeluar logo halal yang selama ini diyakini, bukan saja oleh rakyat Malaysia, tetapi juga dikagumi masyarakat antarabangsa," katanya menambah, rakyat juga semakin takut dan marah dengan kes itu. BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | BERNAMA | ONLINE | |

# Rakyat Sabah tidak perlu bimbang status daging import - Timbalan KM




KOTA KINABALU, 29 Dis -- Rakyat Sabah tidak perlu bimbang status daging import kerana negeri itu mempunyai undang-undang dan peraturan yang ketat mengenai import, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah itu berkata Sabah tidak membenarkan daging mentah dibawa masuk ke negeri itu dari Semenanjung dan Sabah juga mempunyai kuasa untuk mengawal selia import dan eksport haiwan dan produk haiwan di bawah Enakmen Haiwan 2015 negeri.

"Sabah juga telah diberi status bebas Penyakit Kaki dan Mulut (FMD) sejak Mei 2004, bermakna Sabah meletakkan syarat yang lebih ketat ke atas haiwan dan produk haiwan import untuk mengekalkan status bebas FMD seperti yang disarankan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE).

"Sabah hanya mengimport daging dari negara bebas FMD yang disahkan OIE atau sekurang-kurangnya haiwan itu mesti diperoleh dari negara yang mempunyai kawasan bebas FMD yang disahkan OIE," katanya dalam kenyataan di sini.

Baru-baru ini dilaporkan bahawa kartel telah mengimport daging dari rumah sembelih yang tidak disahkan halal di negara seperti China, Brazil serta Argentina dan membungkus semula untuk dijual sebagai daging halal di Malaysia.

Jeffrey berkata Sabah masih bergantung kepada daging import memandangkan negeri itu hanya menampung 10 peratus permintaan daging di negeri itu.

"Pada masa ini, kami mengimport daging dari Australia dan New Zealand dan kemudahan khas di Aurangabad, India yang menghasilkan daging kerbau beku Allana untuk memenuhi keperluan daging berkualiti tinggi," katanya.

Beliau berkata Sabah hanya mengimport daging dari premis berdaftar di bawah senarai rumah penyembelihan luar negara yang diluluskan agensi pusat terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Kementerian Kesihatan.

"Sabah hanya membenarkan penghantaran terus dari negara di mana daging itu berasal ke lapangan terbang atau pelabuhan di Sabah. Jika pemindahan dan transit dalam perjalanan diperlukan, peraturan ketat akan dikenakan ke atas konsainan seperti dipateri dari negara asal dan tidak boleh diusik dalam apa cara sekalipun.

"Oleh itu kementerian melalui DVS Sabah yakin negeri ini bebas daripada skandal sedemikian dan kami yakin akan keseluruhan daging di Sabah," katanya.

-- BERNAMA

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PM calls for special report on meat cartel scandal | | |
| MediaTitle | Malaysian Nanban | | |
| Date | 30 Dec 2020 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 65,000 |
| Page No | 2 | Readership | 415,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 258 cm² |
| Journalist | NULL | AdValue | RM 751 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,252 |





# ஹலால் இல்லாத இறைச்சி கடத்தல் விவகாரம்: விசாரணை நடத்துக பிரதமர் உத்தரவு

கோலாலம்பூர், டிச.30-

**நாட்டில் பல ஆண்டுகளாக நடந்து வருவதாகக் கூறப்படும் ஹலால் இல்லாத இறைச்சி வகைகள் இறக்குமதி செய்யப்பட்ட விவகாரத்தில் அரசாங்கத்திடம் சிறப்பு அறிக்கையை தாக்கல் செய்யுமாறு பிரதமர் டான்ஸ்ரீ மொகிதீன் யாசின் ஆணையிட்டு இருக்கிறார்.**



நேற்று தொலைக்காட்சி நிகழ்ச்சி ஒன்றில் பேசிய மலேசிய தனிமை சோதனை சேவை இலாகாவின் தலைமை இயக்குநர் சைபுல் யாசான் அல்வி இந்த தகவலை தெரிவித்தார். மலேசிய விவசாய மற்றும் விவசாயம் சார்ந்த அமைச்சர் டத்தோ ரொனால்டு கியாணடி இந்த விவகாரத்தில் சிறப்புக் கவனம் செலுத்தி வருகிறார் என்றார் அவர்.

அண்மையில் ஜொகூர் செனா யில் சுமார் 3 கோடி வெள்ளி மதிப் புள்ள 1,500 டன் குளிர்பதனம் செய்யப்பட்ட கடத்தல்இறைச்சி கைப் பற்றப் பட்டது. உள்நாட்டு வாணிப, பயனீட்டுத் துறை அமைச்சு மேற்கொண்ட இந்த நடவடிக்கையின் மூலம் பல்வேறு தகவல்கள் அம்பலமாகியுள்ளன.

குறிப்பாக கடந்த 40 ஆண்டு களுக்கு மேலாக வெளிநாடு களிலிருந்து கடத்தி வரப்பட்ட பல்வேறு வகை இறைச்சிகள் இங்கே ஹலால் முத்திரை குத்தப்பட்டு விற்கப்பட்டி ருப்பதாகத் தெரிய வந்திருக் கிறது. கொண்டு வரப்பட்டது என்ன இறைச்சி என்று தெரியாமல் மறைக்கப் பட்டு ஒரு மோசடிக் கும்பல் மலேசிய சந்தைகளில் அதை விற்றிருக் கிறது.

இதற்கு அரசாங்க அதிகாரிகள் உடந்தையாக இருந்திருக் கிறார் கள். ஹலால் இல்லாத இந்த இறைச்சி இஸ்லாமிய மக்களுக்கு விநியோகிக்கப்பட்டிருக்கலாம் என்று அண்மையில் உள்நாட்டு மலாய் தினசரியான சினார் ஹராப்பான் செய்தி வெளி யிட்டது. போலி கம்பெனிகளை உருவாக்கி இந்த கும்பல் நடமாடி வந்துள்ளது.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Propose to boost business activities at Tumpat | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 30 Dec 2020 | Color | Full Color |
| Section | KL/Selangor | Circulation | 27,667 |
| Page No | B3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 636 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,000 |



# 道北旧镇死气沉沉

## 龚照发盼设贸易区带动经济

**（道北29日讯）曾是著名商贸港口，同时是州内商业活动最活跃的道北县属，如今形如死气沉沉的牛仔城，加上受到冠病疫情影响，旧区市镇的商家生意更是停滞不前。**

马华道北区会主席龚照发希望，政府早日落实兴建彭加兰古堡至泰南陶公府达拜桥梁计划，同时考虑设立彭加兰古堡国际贸易区等，重新带动道北县经济发展。

他是在马华道北区会与农业及食品工业部第二副部长兼道北国会议员拿督仄阿都拉交流会上，如是指出。

出席者尚有署理主席黄贞进、妇女组主席符宝蓉等人。

他说，道北县在后期因发展缓慢，缺乏就业机会，导致人口逐年外流。庆幸的是，县土地局、警局、县议会及县福利局等，都还保留在道北旧区，否则道北旧区真的就要走进历史，彻底瘫痪。

他认为，要重新恢复道北昔日的辉煌，除兴建桥梁，东海岸铁路计划也非常重要，这些计划都能带动道北县内的经济发展，引进更多外资设立工厂，进而减低失业率及犯罪率。




交流会上，龚照发（前排左四）向仄阿都拉（前排左三）提出多个重新带动道北县经济发展的建议。

他指出，道北县位于马泰边境，通过完善的交通系统，可促进双边经济发展，让道北县恢复过去商业活跃蓬勃的面貌。

他说，道北县拥有许多旅游景点，包括斯里杜袒海滩、苏里岛、彭加兰古堡免税区及佛寺，有关当局应该提升及加强旅游区的发展，吸引更多游客，带动商机。

## 议员受促关注水供问题

龚照发也促请议员关注人民所面对的水供问题，包括水供污浊及水压偏低；改善排水系统，以减低水灾所造成的损失；同时关注网络信号问题，让学生在疫情期间，顺利上网课学习。

会上，他也向仄阿都拉反映道北育智华小所面对的课室不足问题，并希望议员可亲自到校了解实情。

仄阿都拉表示，会关注马华区会所提出的问题，并且会向相关的部门反映及跟进。



道北旧镇如今形如死气沉沉的牛仔城。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | KOSMO | NEGARA | 17 |

# Sakit strok tak jadi halangan tanam cili

**PONTIAN** – Seorang bekas kontraktor industri minyak dan gas tidak menyangka usaha mengerjakan tanaman cili centil membuahkan hasil malah mengubah nasib hidupnya selepas ditimpa angin ahmar.

Jamaludin Mohd. Nor, 51, berkata, sebelum diserang penyakit strok, dia menguruskan sebuah projek di Zon Bebas Pelabuhan Klang di Selangor sebelum pulang ke tempat kelahirannya, Kampung Serkat di sini pada tahun 2015.

Jelasnya, sejak itu dia memulakan projek ternakan itik sebelum menyertai program tanaman cili centil di bawah Projek Pembangunan Ekonomi Rakyat Johor (Proper).

"Selepas diserang penyakit angin ahmar itu, saya tak mampu buat kerja berat sebab anggota badan bahagian kiri tidak dapat bergerak, saya reda dengan ujian tetapi saya tak mudah menyerah kalah.

"Pada awal tahun ini, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim (YPKDT) mencari tanah bagi menjalankan Proper dan melihat tanah saya yang berada di laluan pelancongan ke Taman Negara Tanjung Piai.

"Saya fikir baik usahakan tanaman cili centil kerana mendatangkan pulangan yang lumayan.

"Saya sertai Proper belajar selok-belok cara tanam cili fertigasi," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Katanya, dia kini menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap projek tanaman cili centil bersama dengan empat rakan berbekalkan geran RM15,000 daripada YPKDT.

"Empat lagi individu yang terlibat dalam menjayakan projek tersebut ialah Siti Haida Abas, 48; Ramidah Shariff, 55; Nalita Sulaiman, 51, dan Saadah Yunos, 55, yang merupakan golongan B40.

"Sebanyak 500 pokok cili centil ditanam secara fertigasi di atas tanah seluas 371 meter persegi yang diuruskan oleh YPKDT sejak September lalu," katanya.

Jelasnya, tuaian pertama dibuat pada 21 Oktober lalu memberi hasil 108 kilogram (kg), manakala tuaian kedua 50kg dan kali ketiga sebanyak 158kg lada centil.



**JAMALUDIN memeriksa hasil cili centil yang diusahakan menerusi Proper di Kampung Tanjung Piai, Pontian baru-baru ini.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | UTUSAN MALAYSIA | DLAM NEGERI | 10 |

# Tanam sayur belakang flat

Oleh RAJA JAAFAR ALI
utusannews@mediamulia.com.my

**JOHOR BAHRU:** Perumpamaan 'muafakat membawa berkat' memberi inspirasi kepada 11 suri rumah mengisi masa lapang dengan menanam sayur.

Apa yang menariknya suri rumah itu menjadikan belakang flat tempat tinggal mereka sebagai kebun pelbagai jenis sayur.

Suri rumah, Fadzilah Hashim, 48, berkata, idea menanam sayur timbul ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada Oktober lalu.

"Kami sepakat dengan jiran-jiran yang berminat untuk bercucuk tanam dengan bermodalkan RM2,000 dengan membeli pasu hidroponik, baja dan peralatan bercucuk tanam.

"Bermula dengan tanaman secara kecil-kecilan sehinggalah kami dapat dana daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) untuk membuka tapak baharu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurutnya, hasil kerja keras dan penat lelah berjaya membuahkan hasil apabila mendapat dana MBJB atas usaha sama Ahli Majlis Zon Dato' Onn.

Kebun sayur yang dikenali sebagai Kebun Komuniti Desa Mutiara itu kini menjadi kebun contoh sebagai kebun dalam bandar.



**HASIL tanaman sayur yang ditanam di belakang flat dalam program kebun dalam bandar di Blok 11 PPR Desa Mutiara, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI**

Bagi Salmah Idris, 56, dia berasa seronok apabila dapat bercucuk tanam bersama jiran-jiran sambil dibantu suami masing-masing.

"Gembira dan seronok sangat apabila melihat tanaman mula tumbuh dengan segar walaupun baharu dua bulan memulakan projek tanaman sayur," katanya.

Jelasnya, ini dapat mengisi masa lapang ketika PKPB di samping menyihatkan badan.

Antara sayuran yang ditanam ialah cili padi, pegaga, bayam Brazil, terung, bendi dan kangkung.

Menurutnya, hasil jualan akan dijadikan modal pusingan dan dapat menjana pendapatan dalam kalangan peserta.

Rancangan tanaman seterusnya ialah pokok tomato, pelbagai jenis kekacang dan pokok herba seperti kunyit hitam dan serai.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 30/12/2020 | SINAR HARIAN | BISNES | 31 |

# FGV Dairy Farm sasar pengeluaran 30,000 susu segar setiap hari

**FGV** Holdings Berhad (FGV) menerusi anak syarikatnya FGV Dairy Farm Sdn Bhd (FGVDF) berada pada kedudukan baik untuk mengeluarkan 30,000 liter susu segar setiap hari pada suku pertama 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata ia selari dengan kejayaan pelaksanaan projek ladang tenusu bersepadu di Linggi, Negeri Sembilan, yang secara signifikan telah meningkatkan fokus FGV dalam perniagaan di bawah sektor pertanian bersepadu.

"Kami juga telah memasang ruang memerah susu automatik dan sistem rakaman susu harian 'cloud-based' untuk memastikan kualiti produk tenusu dan produktiviti ladang tenusu kami," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Beliau berkata kerja menaik taraf secara keseluruhan untuk ladang tenusu FGV Linggi hampir selesai dengan penambahbaikan pada infrastruktur ladang, kawasan makanan ternakan, tempat memerah susu dan bangsal lembu, sementara kerja-kerja menaik taraf bangsal anak lembu telah selesai 100 peratus.

Selain itu, beberapa formulasi, perisa dan pembungkusan baharu produk Bright Cow berada dalam proses, dan kini menjalani ujian produk dan ujian kestabilan sebelum dilancarkan pada April 2021 seperti yang disasarkan.

Baru-baru ini, FGVDF menerima penambahan sebanyak 130 lembu tenusu kacukan yang diimport dari Australia, yang merupakan kacukan baka lembu tenusu Jersey dan Friesian, menjadikan jumlah kawanan lembu tenusu berjumlah 258 ekor.

"Penghantaran lembu ini adalah untuk memenuhi jumlah pengeluaran susu segar yang lebih tinggi serta peningkatan permintaan tempatan terutamanya oleh pasaran segmen HORECA," katanya.-*Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | UTUSAN MALAYSIA | EKONOMI | 35 |

# FGV perkukuh perniagaan susu segar, ternakan

**KUALA LUMPUR:** FGV Holdings Berhad (FGV) menyasarkan pengeluaran kira-kira 30,000 liter susu segar sehari pada separuh pertama tahun hadapan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Haris Fadzillah berkata, FGV melalui anak syarikatnya, FGV Dairy Farm Sdn. Bhd. (FGVDF) berada pada kedudukan baik untuk mencapai pertumbuhan kukuh dalam bidang pemprosesan susu segar dan perniagaan ternakan tenusu.

Beliau berkata, ia selari dengan kejayaan pelaksanaan projek ladang tenusu bersepadu di Linggi, Negeri Sembilan, yang secara signifikan telah meningkatkan fokus FGV dalam perniagaan di bawah sektor Pertanian Bersepadu.

Katanya, bagi tujuan itu, FGVDF baru-baru ini telah menerima tambahan sebanyak 130 lembu tenusu kacukan diimport dari Australia, menjadikan jumlah lembu tenusu kepada 258 ekor.



FGV Dairy Farm berada di kedudukan baik untuk mencapai pertumbuhan dalam perniagaan ternakan tenusu.

Jelas beliau, penghantaran lembu tenusu kacukan baka Jersey dan Friesian itu adalah untuk memenuhi pengeluaran susu segar yang lebih tinggi serta peningkatan permintaan tempatan terutama oleh pasaran segmen hotel, restoran dan kafe (Horeca).

"Dalam masa kurang sembilan bulan sejak penubuhan projek ladang tenusu pada Mac 2020, jenama premium *Bright Cow* telah memproses lebih daripada 500,000 liter susu segar untuk penggunaan tempatan, disumbangkan oleh susu segar yang dihasilkan di ladang tenusu Linggi milik FGV dan turut dibekalkan oleh ladang tenusu luar.

"Pengeluaran susu segar kami di Linggi, akan menyaksikan pembukaan kilang susu segar yang baharu dengan kapasiti pemprosesan 30,000 liter sehari.

"Kami juga telah memasang ruang memerah susu automatik dan sistem rakaman susu harian cloud-based untuk memastikan kualiti produk tenusu dan produktiviti ladang tenusu kami. Usaha ini dijadualkan selesai pada suku pertama 2021," katanya dalam kenyataan semalam.

Haris berkata, kerja menaik taraf secara keseluruhan ladang tenusu FGV Linggi hampir selesai, dengan penambahbaikan pada infrastruktur ladang, kawasan makanan ternakan, tempat memerah susu dan bangsal lembu, sementara kerja-kerja menaik taraf bangsal anak lembu telah selesai 100 peratus.

"Peningkatan secara berterusan akan disiapkan dalam masa terdekat dengan pensijilan Sistem Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan Sistem Keselamatan Makanan 22000 (FSSC 22000).

"Beberapa formulasi, perisa dan pembungkusan baharu produk Bright Cow berada dalam proses, dan kini menjalani ujian produk dan ujian kestabilan sebelum dilancarkan pada bulan April 2021 mengikut sasaran," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | HARIAN METRO | BISNES | 22 |





# 30,000 LITER SETIAP HARI

*Keluaran susu segar anak syarikat FGV*

LEMBU tenusu di ladang milik FGV

Oleh Syarifah Dayana Syed Bakri
dayana@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

FGV Holdings Berhad (FGV) menerusi anak syarikatnya, FGV Dairy Farm Sdn Bhd (FGVDF) berada pada kedudukan baik untuk mengeluarkan 30,000 liter susu segar setiap hari pada suku pertama 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, ia selari dengan kejayaan pelaksanaan projek ladang tenusu bersepadu di Linggi, Negeri Sembilan, yang secara signifikan meningkatkan fokus FGV dalam perniagaan di bawah sektor pertanian bersepadu.

"Kami juga memasang ruang memerah susu automatik dan sistem rakaman susu harian *cloud-based* untuk memastikan kualiti produk tenusu dan produktiviti ladang tenusu kami," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, kerja menaik taraf secara keseluruhan untuk ladang tenusu FGV Linggi hampir selesai dengan penambahbaikan pada infrastruktur ladang, kawasan makanan ternakan, tempat memerah susu dan bangsal lembu, sementara kerja menaik taraf bangsal anak lembu selesai 100 peratus.

Selain itu, menurutnya, beberapa formulasi, perisa dan pembungkusan baharu produk Bright Cow berada dalam proses dan kini menjalani ujian produk dan ujian kestabilan sebelum dilancarkan pada April 2021 seperti yang disasarkan.

Baru-baru ini, FGVDF menerima penambahan sebanyak 130 lembu tenusu kacukan yang diimport dari Australia, yang juga kacukan baka lembu tenusu Jersey dan Friesian, menjadikan jumlah kawanan lembu tenusu berjumlah 258 ekor.

"Penghantaran lembu ini untuk memenuhi jumlah pengeluaran susu segar lebih tinggi serta peningkatan permintaan tempatan terutamanya oleh pasaran segmen HORECA (Hotel, Restoran dan Kafe)," katanya.

Menurut Haris Fadzilah, dalam tempoh kurang sembilan bulan sejak penubuhan projek ladang tenusu pada Mac 2020, jenama premium Bright Cow memproses lebih 500,000 liter susu segar untuk penggunaan tempatan, disumbangkan oleh susu segar yang dihasilkan di ladang tenusu Linggi milik FGV dan turut dibekalkan ladang tenusu luar.

"Pada masa sama, inisiatif FGV selari dengan visi kerajaan untuk kemakmuran bersama dengan menawarkan peluang kepada pertanian kontrak dalam kalangan penternak lembu di negara ini," katanya.

Di bawah Program Pembangunan Industri Tenusu Negara, kerajaan meletakkan sasaran untuk memastikan kadar sara diri dalam pengeluaran susu segar domestik menjelang 2025 yang memberi peluang kepada organisasi seperti FGV untuk mendapat manfaat daripada penggantian import dan menjadi pemain industri yang signifikan bagi pengeluaran susu segar tempatan.

Pada masa sama, inisiatif FGV selari dengan visi kerajaan untuk kemakmuran bersama dengan menawarkan peluang kepada pertanian kontrak dalam kalangan penternak lembu di negara ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | NST | BISNES | 18 |



*FGV Holdings Bhd's dairy farm in Linggi, Negri Sembilan, has a total herd size of 258.*

## LINGGI DAIRY FARM PRODUCTION

# FGV set to add 30,000 litres of milk daily

**KUALA LUMPUR:** FGV Holdings Bhd (FGV) targets to produce 30,000 litres of fresh milk per day from its new plant in Linggi, Negri Sembilan, said group chief executive officer Datuk Haris Fadzilah Hassan.

He said since the inception of the company's dairy farm project in March, its premium house brand "Bright Cow" had been processing more than 500,000 litres of fresh milk for local consumption.

"Our production in Linggi will see the opening of a fresh milk factory with a processing capacity of 30,000 litres per day.

"We have also installed an automated milking parlour and a cloud-based daily milk recording system to ensure the quality of our dairy products and the productivity of our dairy farm.

"This is scheduled for completion in the first quarter of next year," said Haris in a statement yesterday.

FGV said the Linggi farm had received an additional 130 crossbred dairy heifers from Australia — a hybrid of Jersey and Friesian dairy cattle — bringing the total herd size to 258.

The overall upgrading work for the Linggi dairy farm is almost complete, with improvements on infrastructure, feedstock areas, milking parlour and cattle barn.

FGV said the enhancements would be finalised with the Hazard Analysis and Critical Control Point and the foundation for Food Safety System Certification 22000 certifications.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | THE STAR | NEWS | 2 |

# FGV's milk processing business looking bright

## Company targets to produce 30,000 litres per day

CONSUMER

**PETALING JAYA:** FGV Holdings Bhd (FGV) is positioned for strong growth in the fresh milk processing and dairy farming business as it targets to produce 30,000 litres of fresh milk per day in the first half of 2021.

The group's capacity has increased following the implementation of a fully-integrated dairy farm project in Linggi, Negri Sembilan, and the addition of 130 crossbred dairy heifers imported from Australia, amounting to a dairy herd size of 258.

"Our fresh milk production in Linggi will see the opening of a brand new fresh milk factory with a processing capacity of 30,000 litres per day.

"We have also installed an automated milking parlour and a cloud-based daily milk recording system to ensure the quality of our dairy products and the productivity of our dairy farm.

"These efforts are scheduled for completion in the first quarter of 2021," said FGV group chief executive officer Datuk Haris Fadzilah Hassan in a statement.

The overall upgrading work of its Linggi dairy farm is almost complete, with improvements on the farm's infrastructure, feedstock areas, milking parlour and cattle barn.

It is also looking to finalise its Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) and the foundation for Food Safety System Certification 22000 (FSSC 22000) certifications.

Haris said the new shipment of cattle would help FGV fulfill higher volume of fresh milk production and increased local demand in the hotel, restaurant and cafe market segment.

He added that in less than nine months since the inception of the dairy farm project in March, its premium house brand, *Bright Cow*, has been processing more than 500,000 litres of fresh milk for local consumption.

The plantation group had ventured into the dairy farm business last February with the acquisition of a 60% stake in RedAgri Farm Sdn Bhd for RM10mil.

RedAgri owns the *Bright Cow* brand of dairy products.

The purchase enabled the group to create more value from its existing resources and tap into synergies within the palm-based circular economy.

FGV said dairy farming is one of the identified pillars of its integrated farming business.

Malaysia imports about RM3.9bil worth of dairy products a year, as local production amounts for only 67.1 million litres annually, or 61% of current domestic demand.

The remaining 40 million litres is imported.

Under the National Dairy Industry Development Programme, the government aims to ensure self-sufficiency in domestic fresh milk productions by 2025.

This gives an opportunity for FGV to benefit from import substitution and aspire to become a significant industry player for locally produced fresh milk in Malaysia, said Haris.

Several new *Bright Cow* product formulations, flavours and packaging are also in the pipeline and are now undergoing product testing and stability tests prior to launch which is targeted to take place in April 2021.

*"We have also installed an automated milking parlour and a cloud-based daily milk recording system to ensure the quality of our dairy products and the productivity of our dairy farm."*

*Datuk Haris Fadzilah Hassan*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | KOSMO | NIAGA | 38 |


FGVDF pertingkat kapasiti pengeluaran dari ladang tenusu bersepadu di Linggi

# Bright Cow proses 500,000 liter susu



KERJA menaik taraf infrastruktur ladang telah dilaksanakan seiring dengan peningkatan pengeluaran susu segar di kilang FGVDF.

**PETALING JAYA** – FGV Holdings Bhd. (FGV) melalui anak syarikatnya, FGV Dairy Farm Sdn. Bhd. (FGVDF) menyasarkan pengeluaran susu segar sebanyak 30,000 liter sehari dari ladang tenusu bersepadunya di Linggi, Negeri Sembilan menjelang separuh pertama 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, penambahan kapasiti pengeluaran itu seiring dengan kerja naik taraf ladang tersebut yang hampir selesai melibatkan penambahbaikan infrastruktur ladang, kawasan makanan ternakan serta tempat memerah susu dan bangsal lembu.

Menurut beliau, kerja menaik taraf bangsal anak lembu pula telah selesai sepenuhnya.

Jelasnya, FGVDF telah menerima penambahan 130 ekor lembu kacukan Jersey dan Friesian yang diimport dari Australia, menjadikan jumlah keseluruhan lembu tenusunya sebanyak 258 ekor.

"Dalam masa kurang daripada sembilan bulan sejak penubuhan projek berkenaan pada Mac 2020, jenama premiumnya, Bright Cow telah memproses lebih daripada 500,000 liter susu segar untuk penggunaan tempatan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Haris menjelaskan, pengeluaran tersebut disumbangkan oleh susu segar yang dihasilkan di ladang tenusu Linggi milik FGV sendiri selain turut dibekalkan oleh ladang tenusu luar.

"Pengeluaran susu segar kami di Linggi akan menyaksikan pembukaan kilang susu segar baharu dengan kapasiti pemprosesan 30,000 liter sehari.

"Kami juga telah memasang ruang memerah susu automatik dan sistem rakaman susu harian berasaskan awan untuk memastikan kualiti produk tenusu dan produktiviti ladang tenusu kami sentiasa berada pada tahap terbaik.

"Projek baharu ini dijadualkan selesai menjelang suku pertama 2021," ujarnya.

Selain itu, FGVDF menyatakan pihaknya terus melaksanakan proses peningkatan secara berterusan yang akan disiapkan dalam masa terdekat dengan pensijilan Sistem Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan Sistem Keselamatan Makanan 22000 (FSSC 22000).

Tambah beliau, beberapa formulasi, perisa dan pembungkusan baharu bagi produk Bright Cow juga sedang menjalani ujian produk dan ujian kestabilan sebelum ia dilancarkan pada bulan April 2021.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA WIRA | 24 |

# Maritim Malaysia Kelantan sanjungan nelayan

Oleh TOREK SULONG
gayautusan@mediamulia.com.my

LAUT bergelora dan pendemik Covid-19 bukan halangan bagi Agensi Penguat Kuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan untuk terus memikul amanah menjalankan tugas hakiki iaitu menjaga keselamatan dan kedaulatan perairan negara.

Pelbagai kejayaan dilakar sepanjang tahun 2020 walaupun dilalui dalam situasi norma baharu.

Kejayaan ini diukur berdasarkan dua tugasan utama Maritim Malaysia iaitu penguatkuasaan undang-undang dan mencari dan menyelamat maritim (Carilamat Maritim).

Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, **Kepten Maritim Muhd. Nur Syam Asmawie Yaacob** berkata, secara keseluruhannya Maritim Negeri Kelantan berjaya melakukan 28 tangkapan sepanjang tahun ini menerusi Op Naga Barat, Op Kuda Laut dan Op Damai.

Menurutnya, tangkapan itu melibatkan 12 kes bot nelayan asing, 12 kes bot nelayan tempatan, dua kes 'tanker' asing dan dua kes penyeludupan dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM30.7 juta dan membabitkan seramai 182 orang kena tahan (OKT).

"Selain itu, sebanyak empat pengusiran bot nelayan asing turut direkodkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam usaha membendung penularan pandemik Covid-19.

"Sebelum diusir, peralatan memancing bot-bot nelayan asing ini dirosakkan terlebih dahulu bagi mengelak mereka datang kembali untuk melakukan sebarang aktiviti perikanan," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Kata beliau, daripada 12 bot nelayan asing yang ditahan, sebanyak 10 bot telah dilucuthak oleh mahkamah setelah selesai urusan pendakwaan.

"Jumlah keseluruhan tangkapan tahun ini meningkat sebanyak 12 peratus berbanding tahun lepas yang merekodkan 25 kes," katanya.

Bagi kes penyeludupan rokok, jumlah rampasan rokok tanpa cukai turut mencatatkan peningkatan lebih dua kali ganda berbanding tahun lepas.

Pada 2019, Maritim Malaysia Kelantan merampas sebanyak 1.2 juta batang rokok putih dengan nilai termasuk cukai dianggarkan berjumlah RM897,600.

"Pada tahun ini, kita berjaya merampas sebanyak 2.5 juta batang rokok putih dengan nilai termasuk cukai dianggarkan RM1.87 juta," ujarnya.

Muhd. Nur Syam Asmawie berkata, dalam memperkasakan penguatkuasaan di perairan Pantai Timur khususnya perairan Kelantan, Maritim Malaysia Kelantan pada 1 Ogos lepas menerima sebuah kapal ronda generasi baharu (NGPC) yang diberi nama KM Tok Bali.

Menurutnya, kapal yang berukuran 45 meter panjang dan 7.7 meter lebar itu berkemampuan beroperasi di laut selama 10 hari dengan kapasiti maksimum keanggotaan seramai 41 orang.

"Sehingga kini, KM Tok Bali telah melakukan enam tangkapan membabitkan empat bot nelayan asing Vietnam dan dua tanker.

"Ia menjadi simbol keamanan dalam kalangan nelayan tempatan yang menganggapnya wira kerana berjaya mengekang pencerobohan nelayan asing di perairan ini," ujarnya.

Secara ringkas, Maritim Malaysia Kelantan mempunyai kawasan pengoperasian seluas 27,637 kilometer (KM) persegi dengan panjang pantai bersaiz 78km.

Keluasan pengoperasian ini juga merangkumi kawasan tuntutan bertindih antara Malaysia-Thailand seluas 7,250 kilometer persegi dan kawasan tuntutan bertindih antara Malaysia-Vietnam dengan keluasan 2,008 kilometer persegi.



ZAHARI SAMAT

> "Tangkapan melibatkan 12 kes bot nelayan asing, 12 kes bot nelayan tempatan, dua kes 'tanker' asing dan dua kes penyeludupan dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM30.7 juta."



HAZAHAR MAT SANISAH



PELAYARAN ehsan membantu pesakit dari Pulau Perhentian, Terengganu untuk mendapatkan rawatan segera di hospital.




MUHD. NUR SYAM ASMAWIE YAACOB

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA WIRA | 25 |





SEBAHAGIAN rampasan rokok tanpa cukai yang berjaya dirampas Maritim Malaysia Kelantan, baru-baru ini.

# Bakti carilamat, pelayaran ihsan

SELAIN meningkatkan penguat kuasaan di laut, Maritim Malaysia Kelantan turut melebarkan perkhidmatan operasi mencari dan menyelamat serta pelayaran ihsan bagi kes-kes kecemasan.

Bot Penyelamat 7 tidak asing bagi warga Pulau Perhentian kerana kepantasannya membawa pesakit ke tanah besar yang sekali gus berjaya menyelamatkan nyawa terutama pesakit kronik.

Pegawai Rintah bot itu, Leftenan Madya Maritim **Pirabagar Raman** berkata, sebanyak tujuh kes carilamat direkodkan sepanjang tahun ini melibatkan pelbagai insiden.

Menurutnya, dua kes dicatatkan sebagai *medical evacuation (medevac)*, kes bot rosak, dua kes bot karam, satu kes lemas dan satu kes bot hanyut.

"Seramai 36 mangsa terlibat dengan 27 orang berjaya diselamatkan manakala sembilan ditemui dalam keadaan meninggal dunia.

"Kes terbesar tahun ini melibatkan insiden sebuah bot yang membawa 20 pemancing dipukul ribut semasa sedang bersauh. Sejumlah 12 orang daripadanya berjaya diselamatkan manakala lapan lagi ditemui lemas," katanya.

Pirabagar berkata, anggota yang bertugas di atas bot sentiasa bersiapsiaga sekali pun berada di rumah jika berlaku sebarang panggilan kecemasan.

## CATATAN PERKHIDMATAN DAN PELAYARAN IHSAN

**8 JANUARI 2019:** Seorang pesakit jantung diberi bantuan pelayaran ihsan oleh pihak Maritim Malaysia bagi mendapatkan rawatan segera di Hospital Besut setelah mengalami sesak nafas di rumahnya di Pulau Perhentian.

Panggilan kecemasan daripada Hospital Besut pada jam 9.30 malam meminta bantuan membawa seorang pesakit, Nik Jah Majid, 45, ke hospital kerana pesakit mengalami *mild aortic regugitation* yang menyebabkan beliau mendapat simptom sesak nafas.

**4 NOVEMBER 2019:** Maritim Malaysia melalui Stesen Udara Maritim Subang (SUMS) melakukan penerbangan ihsan membawa seorang bayi berusia setahun empat bulan yang mengalami jangkitan pada paru-paru dari Pulau Perhentian ke Pangkalan Udara Gong Kedak sebelum dihantar ke Hospital Besut.

Helikopter jenis Agusta AW139 itu membawa Nur Amani Aafeeya bersama keluarganya dan pembantu pegawai perubatan Klinik Kesihatan Pulau Perhentian, Hasrull Yadidi Ab. Hamid.

**19 FEBRUARI 2020:** Seorang pesakit strok dan seorang pesakit yang mengalami patah tulang diberi bantuan pelayaran ihsan.

Bot Maritim Penyelamat 7 berjaya membawa seorang pesakit, Muhammad Aiman Alias, 22, mengalami patah tulang di beberapa tempat akibat dihempap pokok kelapa semasa kerja-kerja menumbangkan pokok kelapa di Pulau Perhentian. Seorang lagi, Chaan Chee Keong, 45, pula mengalami strok.

# Nelayan yakini keupayaan Maritim Malaysia

NELAYAN di sepanjang perairan Kelantan yakin dengan kewibawaan dan keupayaan Maritim Malaysia untuk mengawal keselamatan laut terutama ancaman pencerobohan nelayan asing yang sering mencari peluang mencuri hasil khazanah laut.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Semerak, **Zahari Samat** berkata, sebelum kewujudan agensi penguatkuasaan itu nelayan sering terhimpit dengan ancaman nelayan asing.

Penceroboh itu bukan sahaja memukat secara haram tetapi turut merosakkan unjam iaitu tukun yang dibina nelayan tempatan.

Malah, katanya, pukat yang ditahan nelayan tradisional turut hilang atau dirosakkan nelayan asing yang menggunakan pukat lebih besar selain menggunakan peralatan menangkap ikan yang diharamkan di perairan negara.

"Ketegasan dan ketangkasan Maritim Malaysia Kelantan berjaya mencegah pencerobohan nelayan asing, mendisiplinkan nelayan tempatan dalam bab rentas zon tangkapan dan pelbagai bantuan menyelamat yang melibatkan kecemasan yang berlaku di tengah laut.

"Nelayan dan anggota PNK Semerak mencadangkan kepada kerajaan supaya aset dan keperluan Maritim Malaysia diperbaharui dan ditambah untuk rondaan laut yang berterusan.

"Aset-aset lama perlu dinaik taraf kerana agensi penguat kuasaan ini telah membuktikan kemampanan dan kekuatannya mengawal kesejahteraan laut," katanya.

Zahari berkata, anggotanya juga perlu diberi perlindungan insurans hayat percuma kerana tugasan mereka bukan sahaja mencabar tetapi mempertaruhkan nyawa meredah samudera dalam pelbagai situasi.

Sementara itu, Pengerusi Kelab Radio Nelayan Kelantan, **Hazahar Mat Sanisah** pula berkata, pihaknya pernah menghantar memorandum mendesak penguat kuasaan tegas bagi mengekang nelayan asing yang sering menceroboh kepada Menteri Pertanian suatu ketika dahulu.

Memorandum tersebut mendapat perhatian apabila Maritim Malaysia segera bertindak menahan penceroboh mengikut lunas undang-undang dan Akta Perikanan sedia ada.

Selain itu katanya, operasi carilamat yang dilaksanakan oleh Maritim Malaysia dilihat amat cekap dan pantas sehingga tragedi luar jangka yang berlaku di tengah laut dapat diselesaikan dalam tempoh singkat.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | KOSMO | K2 | 19 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | KOSMO | K2 | 20 |



Rencana Utama

Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP



CAHAYA daripada lampu LED digunakan bagi menggantikan cahaya matahari untuk membolehkan daun melakukan proses fotosintesis.

# Hasil sayur lebih berkhasiat

SEKALI imbas, struktur luaran bangunan setinggi dua tingkat yang terletak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Serdang, Selangor itu tidak ubah seperti gudang yang sering menghiasi kawasan perindustiran.

Selepas menjengah di dalamnya, ternyata monumen berkeluasan 30 x 50 meter (m) persegi dengan berketinggian 20m itu cukup unik memandangkan ia dipenuhi pelbagai sayur yang ditanam secara bertingkat di atas rak.

Uniknya, sayur tersebut tumbuh dalam persekitaran tertutup dengan dibantu oleh teknologi pertanian moden yang dibangunkan sendiri oleh pihak MARDI.

Mula beroperasi pada tahun 2016, bangunan yang dikenali sebagai kilang tanaman itu dibangunkan bertujuan membolehkan MARDI melakukan penyelidikan mengenai potensi pertanian di dalam tempat tertutup.

Menariknya, kilang tersebut dikawal oleh pengaruh persekitaran secara artifisial dengan dilengkapi pelbagai sistem bagi memastikan tanaman tumbuh secara normal seperti di ladang konvensional.

"Menerusi kilang tanaman ini, semua elemen yang diperlukan oleh tumbuhan hijau seperti cahaya, suhu, karbon dioksida dan kelembapan dikawal secara buatan.

"Teknologi ini masih baharu di Malaysia jika dibandingkan dengan negara maju seperti Jepun, China, Taiwan dan Korea Selatan," ujar Pegawai Penyelidik Hortikultur MARDI, Dr. Zulhazmi Sayuti kepada *K2* baru-baru ini.

Bangunan tersebut dilengkapi sebanyak 18 rak setinggi tujuh tingkat yang mampu menempatkan hampir 16,000 pokok sayuran berdaun pada satu-satu masa.

Ketika ini kapasiti pengeluaran kilang tanaman adalah sebanyak dua tan sebulan. Kebanyakan sayur yang kilang tanaman adalah bernilai tinggi di pasaran seperti salad jenis lose type, perfecto, arugula, green coral, green parade serta butterhead dan kailan.

Zulhazmi berkata, memandangkan kilang tersebut tertutup, maka pihaknya menggunakan cahaya daripada lampu diod pemancar cahaya (LED) bagi mengantikan cahaya matahari sekali gus membolehkan daun melakukan proses fotosintesis.

Katanya, photosynthetically active radiation (PAR) di kilang tanaman dikekalkan antara 200 hingga 400 umol m-2, manakala spektrum cahaya merah (610 hingga 750 nanometer (nm)) serta biru (400 hingga 520 nm).

"Lampu LED adalah sumber cahaya lebih baik kerana kurang menghasilkan haba dan menjimatkan penggunaan tenaga elektrik serta mengurangkan kos operasi.

"Ia juga terbukti lebih baik bagi penghasilan nutrien dan bahan antioksidan dalam daun selain kualiti sayuran dapat ditingkatkan dari aspek bentuk, tekstur dan warna.

"Lampu LED di kilang ini menggunakan formula tersendiri melalui kerjasama penyelidikan antara MARDI bersama sebuah syarikat tempatan, Impressive Edge Sdn. Bhd," jelasnya.

Pendingin hawa turut dipasang di



SAYUR tumbuh subur dalam suasana tertutup, dibantu teknologi pertanian moden oleh MARDI.



BANGUNAN yang dijadikan eksperimen kilang tanaman di MARDI Serdang.



MOHAMMAD ADIB

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | KOSMO | K2 | 21 |

**INFO**

**Kilang tanaman**

- Sistem pengeluaran tanaman dalam bangunan
- Semua elemen diperlukan tanaman dihasilkan secara buatan
- Sayur yang dihasilkan lebih bersih dan bebas racun perosak
- Mempunyai nilai lebih tinggi dalam pasaran
- Sesuai diusahakan di kawasan bandar yang mempunyai ruang terhad

dalam kilang tanaman bagi memastikan suhu sekitarnya kekal stabil iaitu antara 23 hingga 25 darjah Celsius.

Menurut Zulhazmi, kilang tanaman berkenaan beroperasi sepenuhnya menggunakan kaedah hidroponik bertingkat bagi membolehkan pengeluaran sayur dapat dimaksimumkan.

Jelasnya, kaedah berkenaan didapati lebih praktikal dan sesuai dengan konsep kilang tanaman yang tidak mempunyai ruang tanaman terhad.

"Kami memilih untuk mengaplikasikan kaedah hidroponik kerana ia berasaskan air sepenuhnya. Penjagaan tanaman hidroponik juga adalah lebih mudah dan menjimatkan masa," jelasnya.

Menerusi kaedah tersebut, jumlah pengeluaran sayuran di kilang tanaman setiap bulan menyamai dengan keluasan ladang konventional seluas 0.6 hektar.

Kapasiti pengeluaran tersebut adalah sebanyak lima hingga 10 kali ganda bagi seunit ruang yang sama di kawasan ladang sayuran di atas tanah biasa.

Sementara itu Pegawai Penyelidik Horikultur MARDI, Mohammad Adib Ahmad memaklumkan, kilang tanaman berkenaan dikawal dan dipantau sepenuhnya menerusi aplikasi Internet of Things (IoT).

Ujarnya, aplikasi tersebut terdiri daripada sensor bagi setiap parameter ditempatkan di rak kilang tanaman serta pengairan berpusat.

Dia menambah, sensor berkenaan dihubungkan melalui jaringan rangkaian mobile *hotspot* dan semua maklumat persekitaran serta pengairan dapat diperoleh menerusi telefon pintar atau laman sesawang.

"Kawalan sistem seperti lampu LED dan pendingin hawa, pengairan, pembajaan di dalam kilang tanaman ini juga boleh dilakukan melalui aplikasi IoT.

"Sistem ini memudahkan petani memantau keadaan kilang dari masa ke masa. Data yang dikumpulkan dalam sistem *cloud* juga dapat memudahkan petani menganalisis setiap parameter yang diukur," terangnya.

Konsep kilang tanaman sangat sesuai diaplikasikan di kawasan bandar yang mempunyai kawasan terhad. Konsep ini mampu menjimatkan kos operasi menerusi penggunaan tenaga kerja minimum.

Dalam pada itu, Mohammad Adib berkata, tujuan utama MARDI membangunkan teknologi berkenaan adalah bagi memastikan bekalan sayur negara kekal stabil.

Jelasnya, kewujudan kilang tanaman mampu mengatasi masalah persekitaran, misalnya masalah kekurangan tanah akibat proses urbarninasi serta perubahan iklim yang ekstrem.



KILANG tanaman hasil penyelidikan MARDI menggunakan kaedah hidroponik bertingkat bagi memanfaatkan ruang yang terhad.

"Sistem ini dapat memastikan sayur dikeluarkan mengikut kapasiti diharapkan kerana tidak dipengaruhi faktor cuaca seperti kemarau atau banjir.

"Keadaan ini membolehkan bekalan sayuran kekal terjamin, sekali gus dapat mengurangkan jumlah kuantiti import sayur negara yang mencecah 1.5 juta tan pada tahun 2018," jelasnya.

Menariknya, hasil kajian yang dilakukan MARDI, sayur yang dikeluarkan dari kilang tanaman didapati lebih bersih, berkualiti tinggi dan organik.

Mohammad Adib berkata, sayur dari kilang tanaman juga lebih segar dan berkualiti tinggi kerana tidak menggunakan sebarang racun perosak seperti di ladang konvensional.

Katanya, sayur yang dihasilkan di kilang tanaman mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran terutamanya pasar raya besar, restoran serta penyedia servis kesihatan.

"Sayuran dari sini bersifat organik dan sering mendapat permintaan daripada penduduk bandar yang amat menitikberatkan makanan berkhasiat dalam kehidupan.

"Justeru, tidak hairanlah sekiranya harga salad di kilang tanaman mampu mencecah RM16.66 sekilogram. Situasi ini dapat membantu memakmurkan sosioekonomi petani," terangnya.

Buat masa ini, kilang tanaman yang diusahakan MARDI hanya untuk penyelidikan dan memberi idea kepada petani.

Petani atau usahawan yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai konsep kilang tanaman, boleh berhubung terus dengan pihak MARDI bagi mengatur temu janji.



APLIKASI IoT digunakan untuk memantau dan mengawal sistem lampu, pendingin hawa, selain pengairan dan pembajaan sayur di kilang tanaman berkenaan.

# Raih pendapatan konsisten

RAMAI beranggapan bahawa aktiviti pertanian boleh diusahakan oleh mereka yang tinggal di kawasan kampung sahaja.

Hakikatnya, aktiviti pertanian sebenarnya boleh dilakukan di mana-mana sahaja termasuk mereka yang tinggal di rumah teres atau kondomonium di bandar-bandar besar.

Situasi ini dibuktikan sendiri oleh Mohamad Fairuz Effindi yang memanfatkan kawasan garaj seluas 1.4 meter persegi x 1.9 meter persegi di kediamannya yang terletak di Kajang, Selangor.

Menariknya, aktiviti pertanian yang diusahakan pemuda berusia 35 tahun itu dijalankan secara tertutup dengan dibantu teknologi pencahayaan lampu LED bagi menggantikan cahaya matahari dengan suhu bilik dikawal.

"Saya mula mengusahakan tanaman secara tertutup ini sejak tiga tahun lalu dibawah label Foliage Microgreens. Idea asal konsep tanaman ini diperoleh secara dalam talian daripada petani-petani moden di Amerika Syarikat.

"Ketika ini, saya mengusahakan tanaman jenis microgreen yang mempunyai tempoh tuaian singkat iaitu sekitar 12 hingga 15 hari sahaja," katanya ketika dihubungi *K2* baru-baru ini.

Menariknya, tanaman microgreen yang diusahakan oleh Mohamad Fairuz Effindi mendapat permintaan tinggi daripada pengusaha restoran mewah dan hotel di seluruh negara.

Harga microgreen juga sangat tinggi dalam pasaran di negara ini, sekali gus membolehkannya menjana pendapatan lumayan setiap kali hasil dituai.

Menurut Muhamad Fairuz, jika ada kemahuan tinggi, ruang yang kecil boleh dimanfaatkan untuk aktiviti pertanian, sekali gus menjana pendapatan.

Katanya, pertanian secara tertutup adalah lebih mudah kerana tidak mudah terpengaruh dengan perubahan cuaca sama ada musim kemarau atau hujan sekali gus menjamin perolehan yang konsisten.



MOHAMAD FAIRUZ (kiri) menunjukkan tanaman jenis *microgreen* yang diusahakannya melalui kaedah moden.

| Headline | MPIB strives to empower pineapple sector through young agropreneurs | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Tamil Malar | | |
| Date | 30 Dec 2020 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 22,000 |
| Page No | 5 | Readership | 180,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 467 cm² |
| Journalist | NULL | AdValue | RM 2,400 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,201 |



# இளம் விவசாயிகள் மூலம் அன்னாசித் துறையை மேம்படுத்தும் திட்டம்

கோலாலம்பூர், டிச. 30–

நாட்டின் முதன்மை ஏற்றுமதி பழமாக கருதப்படும் தேசிய அன்னாசித் தொழில்துறையில் அதிகமான இளம் விவசாயிகள் ஈர்க்கப்பட்டு, அதில் ஈடுபடுவதன் வழியாக தேசிய அன்னாசித் தொழில்துறை தொடர்ந்து மேம்படுத்தப்படும்.

மலேசிய அன்னாசிப்பழம் தொழில்துறை வாரியத்தின் (எம்.பி.ஐ.பி) துணை இயக்குநர் ஜெனரல் முகமட் கைருசாம்ரி முகமட் சல்லே கூறுகையில், அதிகமான இளைஞர்களின் ஈடுபாட்டை கொண்டே அன்னாசிப்பழத்தின் உற்பத்தியை இரட்டிப்பாக்கும் முயற்சியை வெளிநாடுகளில் மட்டுமில்லாமல் உள்நாட்டு சந்தையிலும் பூர்த்தி செய்ய முடியும் என்று கூறினார்.

மலேசிய அன்னாசிப்பழம் தொழில்துறை வாரியம், இளம் விவசாயிகள் திட்டத்தின் கீழ் பல்வேறு முயற்சிகளை நடைமுறைப்படுத்தியுள்ளன. வேளாண்மை உள்ளீடு மற்றும் தோட்ட உபகரணங்கள் வடிவில் அன்னாசி சாகுபடியில் ஈடுபட்டுள்ள 18 முதல் 40 வயதுடைய இளம் விவசாயிகளுக்கு வேளாண்மை மற்றும் உணவு கைத்தொழில் அமைச்சின் (MAFI) இளைஞர் வேளாண்மை மானியம் வழங்கப்படுகிறது.

2018ஆம் ஆண்டு முதல் ரி.ம 1.42 மில்லியன், 2019இல் ரி.ம 1.01 மில்லியன் மற்றும் 2020இல் ரி.ம 2.05 மில்லியன் ஆகியவற்றை உள்ளடக்கிய ரி.ம 4.489 மில்லியன் மானியங்கள் ஒதுக்கப்பட்டுள்ளன என்றார் முகமது கைருசாம்ரி.

இன்று வரை, நாடு முழுவதும் மொத்தம் 234 இளம் அன்னாசி வேளாண்மை தொழிலாளர்கள் வெற்றிகரமாக உருவாக்கப்பட்டுள்ளனர். இதில் தோட்டத் துறையில் 202 பங்கேற்பாளர்களும், வேளாண்மை சார்ந்த தொழில்துறையில் 32 பங்கேற்பாளர்களும் உள்ளனர்.

"தொழில்நுட்பத்தின் முன்னேற்றம் அதிநவீனமாகி வருவதோடு, விவசாயத்தில் குறிப்பாக அன்னாசி உற்பத்தியில் பயன்படுத்தக்கூடிய நான்காவது தொழில்துறை புரட்சியுடனும், இந்தத் தொழிலை அபிவிருத்தி செய்ய இளைஞர்கள் புதிய யோசனைகளுடன் முன்வருவர்" என்று மலேசிய அன்னாசிப்பழம் தொழில்துறை வாரியம் நம்புகிறது.

"தற்போதுள்ள தொழில்முனைவோர்களில் 60 விழுக்காட்டினர் சுமார் 60 வயதுடையவர்கள்.

"அவர்களில் அன்னாசிப்பழம் உற்பத்தியில் பெரும்பாலானோருக்கு தொழில்நுட்பத்தை ஏற்றுக்கொள்வது கடினமான ஒன்றாக உள்ளது. எனவே, அதிகமான இளைஞர்களின் ஈடுபாட்டுடன் அன்னாசிப் பழத்தொழிலை நவீனமயமாக்க



விரும்புகிறோம்" என்று முகமது கைருசாம்ரி கூறினார்.

புதிய இயல்பு சந்தைப்படுத்தல் முறையை முகநூல் மற்றும் இன்ஸ்டாகிராம் போன்ற சமூக ஊடகங்கள் வழியாக மேம்படுத்த வேண்டும் என்றும் முகமது கைருசாம்ரி கூறினார்.

"மேலும், சமீபத்திய வளர்ச்சியில், அன்னாசி தொழில்முனைவோரின் தயாரிப்புகளை ஆன்லைனில் விரிவுபடுத்தும் முயற்சியில் இ–காமர்ஸ் தளமான ஷாப்பி மலேசியாவுடன் மலேசிய அன்னாசிப்பழம் தொழில்துறை வாரியம் ஒத்துழைத்து வருகிறது. இதன் வழியாக அனைத்து அன்னாசி தொழில்முனைவோர்களையும் ஒரே தளத்தின் கீழ் சேகரிப்போம் என்றும் இம்முயற்சி 2021–இன் தொடக்கத்தில் தொடங்கப்படும் என்று எதிர்பார்க்கப்படுவதாகவும் முகமது கைருசாம்ரி கூறினார்.

11வது மலேசியா திட்டத்தின் கீழ் இத்துறையில் ஈடுபட பொதுமக்கள் குறிப்பாக இளைஞர் சமூகத்தினர் கேட்டுக்கொள்ளப்படுகின்றனர்; 90 விழுக்காட்டிற்கும் அதிகமான பி40 குழுமத்தைச் சேர்ந்த அன்னாசிப்பழ தொழில் முனைவோர் இப்பிரிவில் இருந்து வெளியேறினர்.

"ஜொகூர் மாநிலம் அதிகளவு அன்னாசிப்பழம் உற்பத்தி செய்யும் மாநிலமாகும், இது 16,000 ஹெக்டர் பகுதிகளில் 54 விழுக்காடு பயிரிடப்பட்டுள்ளது. அதைத் தொடர்ந்து சரவாக் கிட்டத்தட்ட 18 விழுக்காடு அன்னாசிப்பழ உற்பத்தியை கொண்டுள்ளது" என்று முகமது கைருசாம்ரி கூறினார். கடந்த ஆண்டு அன்னாசிப்பழத்தின் ஏற்றுமதியின் மதிப்பு ரி.ம 491 மில்லியனாக இருந்தது.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | HARIAN METRO | LOKAL | 5 |



PEGAWAI JAS mengambil sampel air di Sungai Tumboh, Kampung Gajah.

# Ikan mati mungkin sebab air tercemar

**Kampung Gajah:** Jabatan Perikanan Perak tidak menolak kemungkinan kejadian ribuan ikan mati di permukaan Sungai Tumboh di sini, berpunca daripada air tercemar dari bekas lombong.

Bagaimanapun, Pengarah Jabatan Perikanan Perak, Zaki Mokri berkata, punca kejadian itu belum dikenal pasti dan masih dalam siasatan.

Menurutnya, pihaknya bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak membuat siasatan di lokasi kejadian, kelmarin.

"Sungai Tumboh menerima aliran air dari bekas lombong di sekitar Seri Iskandar dan mungkin (kejadian ikan mati) akibat air tercemar dari bekas lombong itu.

"JAS mengambil sampel air dan bangkai ikan untuk dianalisis namun keputusannya belum diperolehi," katanya, semalam.

Zaki berkata, susulan itu, penduduk setempat dinasihatkan menangguhkan sementara aktiviti perikanan di Sungai Tumboh sehingga punca kejadian dikenal pasti.

Sementara itu, Pengarah JAS Perak, Rosli Zul berkata, siasatan mendapati ada tiga potensi boleh dikaitkan dengan kejadian iaitu dua daripada aktiviti kilang sawit dan aktiviti di bekas lombong.

Menurutnya, ketika menyusuri sungai, pasukan penyiasat menemui bangkai ikan bermula di bekas lombong yang juga kawasan paling hulu.

"Siasatan dilakukan ke atas kedua-dua kilang sawit yang berada di jajaran Sungai Tumboh," katanya.

Kelmarin, media melaporkan, JAS Perak menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kematian ikan di Sungai Tumboh dan perkara itu turut dikongsi Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man di Facebook rasmi beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 30/12/2020 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Penduduk dakwa ribuan ikan mati sejak seminggu lalu

**PERAK TENGAH** – Kejadian ribuan ikan mati di Sungai Tumboh di sini seperti yang tular di media sosial sejak kelmarin didakwa telah berlaku sejak seminggu yang lalu.

Seorang pemancing yang hanya mahu dikenali sebagai Sadar, 32, berkata, kejadian tersebut disedarinya sejak Rabu lalu ketika mahu memancing di kawasan berkenaan.

"Banyak ikan timbul antaranya baung, lampan, loho dan patin. Kalau memancing pun ikan tidak bermain dengan umpan. Tidak pasti apakah punca kejadian ini berlaku," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Pemancing lain yang mahu dikenali sebagai Shamsul, 25, berkata, ini kali pertama kejadian seumpama itu berlaku.

"Saya sudah lama memancing di kawasan ini kerana ikannya banyak dan bersaiz besar. Kejadian yang berlaku ini disedari sejak seminggu lalu" ujarnya.

Sementara itu, penduduk tempatan yang ditemui mengakui kawasan berkenaan kaya dengan pelbagai spesies ikan dan insiden berkenaan memberi kesan kepada nelayan darat yang bergantung hasil pendapatan dari sungai berkenaan.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak, Rosli Zul meminta penduduk di kawasan berhampiran Sungai Tumboh agar menghentikan sementara sebarang aktiviti atas faktor keselamatan ekoran analisa sampel air belum diperolehi pihaknya.



**RIBUAN ikan di Sungai Tumboh mati dipercayai kesan pencemaran air di sungai berkenaan sejak minggu lalu.**



Sampel air Sungai Tumboh dianalisis, cari punca ribuan ikan mati

**KERATAN *Kosmo!* 29 Disember 2020.**

Sementara itu, Pengarah Perikanan Perak, Zaki Mokri berkata, Sungai Tumboh juga menerima aliran air dari bekas lombong sekitar Seri Iskandar.

"Kami tidak menolak kemungkinan (kejadian ikan mati) juga mungkin berpunca dari air yang tercemar dari bekas-bekas lombong di kawasan itu kerana lokasinya berdekatan," jelasnya.

*Kosmo!* semalam melaporkan, JAS Perak sedang menjalankan siasatan terperinci bagi mengenal pasti punca ribuan ikan mati di Sungai Tumboh dekat Kampung Gajah di sini.